

**KERTAS KERJA
PRAGMATIK BAHASA MELAYU BAKU
DI MEDIA MASSA SINGAPURA
2003**

Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz
Majlis Bahasa Melayu Singapura

Pengisian

1.0	Pengenalan	3
2.0	Bahasa Melayu Baku	3
2.1	Implikasi Dasar	4
3.0	Garispandu Peristilahan	4
3.1	Sidang MABBIM 1972	5
3.2	Sidang Eksekutif MABBIM ke 42	6
3.3	Perihal BM dan BInd	7
3.4	Perihal Dinamik	9
4.0	Dapatan Pemantauan Pragmatik Bahasa di Radio	11
4.1	Radio Ria 89.7 FM	14
4.2	Stesen Suria Mediacorp TV	15
4.3	Akhbar Berita Harian dan Berita Minggu	15
5.0	Pendirian MBMS mengenai Sebutan Baku	16
6.0	Kesimpulan	19

Definisi Istilah

- 1 Media massa merujuk kepada radio, televisyen, suratkhbar, majalah, brosur, internet, telefon (SMS) dan segala sumber yang bersifat mengendalikan maklumat bagi masyarakat umum.
- 2 Bahasa baku merujuk kepada semua aspek linguistik bahasa itu iaitu dari segi penulisan dan perbualan atau sebutan.
- 3 Bahasa Melayu merujuk kepada bahasa Melayu Baku
- 4 AP merujuk kepada Anggota Parlimen.
- 5 BI merujuk kepada Bahasa Inggeris
- 6 BInd merujuk kepada bahasa Indonesia
- 7 BM merujuk kepada Bahasa Melayu Baku
- 8 BR merujuk kepada Bahasa Radio
- 9 LM merujuk kepada Lagu Melayu
- 10 LI merujuk kepada Lagu Inggeris
- 11 LA merujuk kepada Lagu Antarabangsa
- 12 MBMS merujuk kepada Majlis Bahasa Melayu Singapura
- 13 MABBIM merujuk kepada Majlis Bahasa Brunei-Indonesia- Malaysia. Singapura selaku pemerhati.
- 14 SMS merujuk kepada Short Messaging System atau Sistem Mesej Ringkas

1.0 Pengenalan

Kertas kerja ini merupakan satu usaha menilai kembali perkembangan pragmatik bahasa Melayu Baku setelah diperkenalkan lebih kurang 10 tahun lalu. Tumpuan diberikan terhadap pragmatik bahasa Melayu Baku di mediamassa memandangkan media ini mencapai semua golongan masyarakat penutur bahasa Melayu di Singapura.

Data-data yang dikumpulkan merupakan hasil pemantauan sejak 2002 hingga 2003. Kajian yang dijalankan bersifat kualitatif memandangkan dapatan-dapatan yang terhasil bersifat perulangan dari segi kesilapan-kesilapan yang didapati. Namun demikian, ia sudah mencukupi untuk memberi gambaran jelas akan kesan daripada perkembangan pragmatik bahasa Melayu di media massa.

Dapatan tersebut juga bersifat saling melengkapi bagi semua jenis media massa kerana masalah yang timbul adalah sama dan yang paling ketara sekali ialah peristilahan dan pembakuan. Maka laporan ini akan menggunakan data daripada pragmatik bahasa Melayu di radio sebagai contoh dan wakil kepada yang lain.

2.0 Bahasa Melayu Baku

Dasar pemerintah Singapura telah menetapkan bahawa bahasa Melayu baku harus digunakan oleh masyarakat penutur Melayu di Singapura. Penggunaannya haruslah selaras dengan pedoman sebutan baku (Ismail 1994:12-13) iaitu sebutan yang digunakan dalam situasi formal atau rasmi. Urusan atau kegiatan yang ditakrifkan sebagai rasmi atau formal adalah :

- i Pengajaran dan pembelajaran formal di institusi pendidikan oleh pegawai pendidikan, pensyarah, guru dan pelajar.
- ii Ucapan di khalayak ramai, seperti pidato, ceramah, syarahan, perbahasan, forum, pengumuman dan kuliah.
- iii Komunikasi rasmi dan perbincangan di sektor awam, seperti dalam mesyuarat rasmi, temu duga, wawancara dan ucapan pada upacara rasmi.
- v **Siaran melalui media elektronik (radio, televisyen dan filem), seperti pembacaan berita, penyampaian hebahan, ulasan dan pengacaraan sesuatu rancangan.**

Dasar umum sebutan baku telah ditetapkan bahawa sebutan baku bagi kata bahasa Melayu hendaklah berdasarkan ejaan, iaitu sebutan menurut perlambangan huruf dan

penyukuan kata, serta fungsinya dalam ayat. Perhatian perlu diberikan kepada ciri-ciri sebutan berikut :

- i Sebutan huruf : Pada umumnya, setiap huruf dalam ejaan Rumi (atau Jawi) hendaklah dilafazkan dengan jelas menurut nilai bunyi bahasa Melayu yang dilambangkan.
- ii Sebutan kata : Sebutan kata hendaklah berdasarkan ejaan secara keseluruhan dan juga berdasarkan bentuk kata (pola-pola suku kata), sama ada kata dasar atau kata terbitan.
- iii Intonasi : Intonasi ialah nada suara yang turun naik atau tinggi rendah sewaktu bercakap, dan hendaklah berdasarkan jenis dan bentuk ayat atau kalimat dalam bahasa Melayu.

2.1 Implikasi Dasar

Dasar ini secara langsung memerlukan komitmen semua pihak termasuk media massa untuk merealisasikan sebutan baku secara optimum. Ini bermaksud semua pragmatik bahasa termasuk media massa perlu akur kepada pedoman yang telah ditetapkan. Bagi pihak media massa pedoman (v) perlu dipatuhi iaitu menggunakan sebutan baku dalam “Siaran melalui media elektronik (radio, televisyen dan filem), seperti pembacaan berita, penyampaian hebahan, ulasan dan pengacaraan sesuatu rancangan.” Ini bermaksud interaksi antara juruhebah dan pendengar ataupun sesama juruhebah termasuk iklan.

3.0 Garispandu Peristilahan

Proses peristilahan memerlukan banyak kajian dan rujukan oleh pakar bahasa berdasarkan sistem konvensi yang telah ditetapkan MABBIM dan diterima pakai di seluruh kawasan bahasa Melayu. Pada tahun 1973, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menginstitusikan satu set prinsip baru dalam lapangan peristilahan seperti berikut :

- i Semua istilah asing yang telah diterimapakai dalam bahasa Melayu harus dikekalkan setelah diadaptasikan mengikut ilmu pengetahuan;
- ii Perumusan istilah baru terutama sekali dalam istilah sains dan teknologi harus diselaraskan dengan yang ada di Indonesia, jika perlu;
- iii Istilah asing yang digunakan oleh bahasa Inggeris, Perancis, Rusia, Spanyol dan German; atau istilah-istilah yang payah dialihbahasa secara tepat, boleh diterima sebagai istilah dalam bahasa Melayu juga;

- iv Apabila merumuskan istilah baru, kata atau kata-kata akar Melayu harus digunakan
- v Ejaan bagi istilah baru harus selaras dengan ejaan rasmi bagi bahasa Melayu. Nama-nama istimewa yang dianggap sesuai harus dikekalkan;
- vi Apabila didapati bahawa sesuatu kata atau istilah asing diperlukan, hanya kata atau bentuk dasarnya sahaja diterimapakai.

Proses peristilahan yang dilakukan sewenang-wenangnya bakal menghasilkan satu komuniti penutur yang terasing daripada di sekelilingnya dan akhirnya akan terasing. Bahasa yang terasing bakal pupus kerana tidak digunakan secara meluasnya. Sebaliknya, bahasa yang disebarluaskan melalui media elektronik mampu mempengaruhi pendengar yang mula meniru dan menggunakannya secara meluas tanpa menyedari implikasi jangka panjang perbuatan mereka. Ketua pengarah Dewan Bahasa Dan Pustaka, Datuk Haji Hassan Ahmad merumuskan :

“Yang penting bagi saya, apakah pencipta istilah dapat memahami bukan sahaja peraturan yang bertulis dalam pedoman itu, tetapi juga semangat yang terdapat di sebalik pedoman itu, yang hanya dapat diterapkan dengan baik berdasarkan pengalaman yang amat luas, pengalaman yang berdasarkan pertimbangan praktis, pertimbangan sosiolinguistik. Pendek kata, pencipta istilah harus mempunyai kebolehan menguasai BM dengan sedalam-dalamnya, di samping mempunyai daya kreativiti yang tajam.” (Mior Hamzah Mior Hashim 1992:15)

3.1 Sidang MABBIM 1972

Sidang MABBIM 1972 telah membuat persetujuan mengenai istilah dari beberapa bidang ilmu pengetahuan. Hasil daripada sidang ini, beberapa istilah akan dipersetujui seperti berikut :

- 1 Setuju untuk sama keseluruhannya, iaitu kedua-dua pihak bersetuju dengan istilah yang dikemukakan baik dari segi ejaannya mahupun dari segi imbuhan.
- 2 Setuju sama tetapi berbeza sebahagiannya, iaitu kedua-dua negara bersetuju untuk menggunakan ejaan morfologi (imbuhan) atau salah satu unsur rangkaian kata yang berbeza.

- 3 Setuju menggunakan istilah yang berbeza keseluruhannya, iaitu kedua-dua pihak bersetuju untuk menggunakan istilah yang berbeza walaupun pada dasarnya konsepnya sama.
- 4 Istilah yang sama setuju untuk ditangguhkan, iaitu istilah yang dipersetujui untuk ditangguhkan disebabkan beberapa hal tertentu.
- 5 Istilah yang setuju untuk digugurkan, iaitu kedua-dua negara bersetuju tidak akan menggunakan istilah tersebut.

3.2 Sidang Eksekutif MABBIM Ke 42

Sidang MABBIM ke 42 pada 2003 membincangkan perihal peristilahan dan mengambil keputusan berikut :-

i *Proses Peristilahan*

Pihak Indonesia telah mencadangkan agar ada perubahan terhadap proses peristilahan semasa sesi MABBIM ke 41. Berikutan usulan itu, mereka telah membentangkan opsyen memudahkan dan mempercepatkan proses tersebut iaitu dengan melewati 5 langkah pertama dalam proses peristilahan dan terus ke langkah ke enam. Langkah ini merupakan opsyen terakhir iaitu menterjemah langsung daripada BI ke dalam BM. Ini merupakan proses yang menjadi kebiasaan di Indonesia.

Pihak Malaysia menganggap pendekatan ini kurang praktikal dan akan membahayakan kedudukan BM terutama sekali dari segi etimologi. Pendekatan mengakronimkan istilah juga sebaiknya dielakkan. Pengerusi merumuskan agar perkara ini dibincangkan selanjutnya dalam sidang pakar.

ii *Pedoman Peristilahan*

Pihak Malaysia menekankan pentingnya diberikan kelonggaran kepada setiap negara untuk membentuk istilah masing-masing tanpa bergantung kepada MABBIM. Pedoman yang disediakan wajib diikuti kerana ia merupakan satu garispandu bagi peristilahan. Maka ia memadai untuk membantu menghasilkan istilah-istilah baru. Namun demikian, istilah yang dihasilkan perlu dilaporkan kepada MABBIM setelah dilaksanakan agar dapat didokumentasikan dan dikemaskini kamus MABBIM. Pihak Malaysia menjelaskan bahawa perkembangan teknologi pesat akan melemahkan kemampuan BM sekiranya kita masih mahu bersifat preskriptif. Maka bahasawan perlu bersikap diskriptif dalam konteks pengembangan bahasa. Keadaan yang berbeza di negara-negara lain akan

memaksa penghasilan istilah-istilah yang berlainan. Contoh terbaik adalah negara Singapura yang sering mempunyai istilah-istilah berlainan yang tidak terdapat dalam MABBIM kerana tidak berlaku dalam negara-negara anggota MABBIM dek kerana perkembangan pesat Singapura.

iii *Istilah umum dan khas*

Pihak Malaysia mengusulkan supaya dinilai semula pengkategorian istilah umum dan khas memandangkan perkembangan zaman yang pesat sejak bermulanya pelaksanaan proses peristilahan sejak 1975. Kini ada istilah khas yang telah menjadi istilah umum seperti “mouse” kini telah menjadi istilah umum dalam konteks komputer. Usulan ini diterima.

3.3 Perihal BM dan Bind

Bahasa Indonesia adalah bahasa Melayu. Ia berbeza kerana faktor sejarah iaitu Indonesia jatuh di bawah jajahan Belanda manakala Semenanjung Tanah Melayu jatuh di bawah jajahan Inggeris. Keadaan ini membawa kepada perkembangan bahasa Melayu yang berbeza seperti dalam contoh berikut :

BInd

BM

Perbezaan kata

apel
listrik
musik
otomatik
psikologi
telepon

epal
elektrik
muzik
automatik
psikologi
telefon

Perbezaan imbuhan

fiksi
konvensi
televisi
fakultas
kualitas
universitas

fiksyen
konvensyen
televisyen
fakulti
kualiti
universiti

(dipetik daripada H. Ahmad Samin Siregar dalam Dewan Bahasa Disember 2000:1336)

Selain itu terdapat juga faktor dialek yang merenggangkan kedua-dua bahasa tersebut. Di Indonesia terdapat lebih kurang 300 bahasa dan dialek. Maka bahasa Indonesia yang mempunyai pengaruh Belanda dan dialek Indonesia pastinya akan menghasilkan perkembangan bahasa yang semakin jauh dari bahasa Melayu. Ini merupakan satu sebab direalisasikan bahasa Melayu Baku. Mediamassa Singapura juga tidak akan mampu mengikuti perbezaan dan kepesatan penghasilan istilah baru Indonesia berdasarkan faktor tersebut. Berikut merupakan beberapa contoh pragmatik bahasa Indonesia¹ di sebuah stesen radio di Indonesia :

BInd	BM
monday	Isnin
morning	pagi
hilir-mudik	ulang-alik
kasus	kes
cewek	perempuan
cowok	lelaki
mengontrol	mengawal
libur nasional	cuti umum
diari	cirit birit
infeksi	jangkitan
tablet	biji
bakteri	kuman
lemari ais	peti ais

Sekiranya, pihak media massa ingin menyesuaikan bahasa Melayu di Singapura agar dapat menyerantau ke Indonesia dan dapat difahami pendengar Indonesia, ia merupakan satu usaha yang tidak produktif kerana pendengar Indonesia sebenarnya lebih memahami bahasa Melayu Singapura daripada bahasa Melayu Malaysia. Menurut Drs Abdul Gaffar Ruskhan daripada Pusat Bahasa Indonesia dan seorang sasterawan mapan Indonesia, sdr Slamet Sukirnantanto semasa dalam sesi persidangan MABBIM, bahasa Melayu Singapura lebih mudah difahami daripada bahasa Melayu Malaysia kerana di Malaysia itu terdapat banyak dialek sedangkan Singapura hanya menggunakan bahasa Melayu baku tanpa pengaruh dialek. Secara tidak langsung, mereka menganggap negara Singapura sebagai sebuah negara yang menghasilkan dan memantau penggunaan bahasa Melayu secara konsisten.

Selain itu, usaha menyelaraskan bahasa Melayu dengan Indonesia tidak selaras dengan keputusan MABBIM mahupun dasar bahasa Baku Melayu. Keputusan MABBIM telah menetapkan bahawa masing-masing negara berkembang dengan bahasa mereka sendiri. Prinsip bahasa Baku sendiri menetapkan penggunaan bahasa Melayu yang standard bagi semua negara. Maka sesebuah negara itu tidak perlu bersusah payah menyesuaikan bahasa demi kepentingan pendengar negara lain. Sebaliknya kita perlu

¹ Dipantau daripada stesen radio Zoo 101.6 FM pada 21 April 2003.

mementingkan pendengar di negara kita dahulu dengan memberikan maklumat dalam bahasa yang terbaik mungkin agar menjadi ikutan mereka.

3.4 Perihal Dinamik

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994), konsep istilah ‘dinamik’ boleh diselidiki daripada komponen-komponen yang terdapat di dalam makna istilah ‘dinamik’ seperti berikut :

- i ‘Dinamik’ bermaksud bertenaga dan berkekuatan serta mampu membuat penyesuaian serta menerbitkan pembaharuan dan kemajuan.
- ii ‘Penyesuaian’ daripada kata dasar ‘sesuai’ bermaksud padan benar, selaras, berpatutan dan serasi.
- iii ‘Menerbitkan’ daripada kata dasar ‘terbit’ bermaksud keluar dari permukaan, terbangkit, keluar memancar, tumbuh atau keluar daripada dan berpunca atau bermula daripada.

Dapat dirumuskan bahawa konsep ‘dinamik’ ialah penyesuaian yang dilakukan terhadap sesuatu yang ada tanpa merubah intinya agar ia akan kekal relevan pada ketika pembaharuan itu dilakukan. Setiap pembaharuan pula mesti berdasarkan bentuk asalnya ke arah bentuk hibrid. Konsep ini bermaksud bahawa sesuatu yang sedia ada perlu terus dikekalkan dan digunakan sehingga ia tidak lagi berfungsi seperti beberapa istilah klasik yang tidak digunakan lagi. Namun demikian ada istilah kuno yang masih digunakan sehingga hari ini kerana ia masih relevan. Kerelevanan ini disebabkan oleh pengguna yang terus menggunakannya. Misalnya :

“aku”, “ini”, “kayu”, “curi”, “jadi”, “sana”, “lagi”, “ratus”,
“mata”, “naik”, “dua” dan lain-lain lagi.

Manakala yang lain dianggap sudah mati kerana tidak digunakan lagi. Misalnya :

“tuwi”(dengan), “inan”(itu), “tlu” (tiga), “halap”(cantik),
“hulun”/ “ulun” (orang gaji), “sarak” (memisahkan diri)
dan “langit” (dalam “makalangit” yang bermaksud memperdaya).

Bahasa Melayu dinamik bukan kerana ia terus menyerap istilah asing dan membuang istilah Melayu. Ia dinamik kerana ia mampu menerima dan menyesuaikan

istilah asing agar selaras dengan bahasa Melayu. Maka kosakata Melayu semakin bertambah. Berikut merupakan perkembangannya :

Zaman	Jenis Bahasa	Pengaruh
Abad 7	BM Kuno	Sanskrit
Abad 14	BM Klasik	Arab
Abad 15	BM Moden	Portugis
Abad 16	BM Moden	Belanda
Abad 19	BM Moden	Inggeris
Abad 20	BM Kontemporari	Hibrid

Kedinamikan bahasa Melayu berlaku bukan dengan membuang kosakata yang ada tetapi dengan menambah kepada yang ada melalui proses penyesuaian kata asing ke dalam bahasa Melayu. Biasanya istilah yang diambil itu terpaksa dilakukan kerana tidak terdapat dalam bahasa Melayu kerana segala ilmu dan ciptaan itu bukan dari dunia Melayu misalnya;

<u>Sanskrit</u>	agama, sederhana, puasa, suasana, puteri, permaisuri
<u>Tamil</u>	apam, kolam, nilam, logam, ragam, kuli, kedai, keldai, mempelai
<u>Dravida</u>	kuda, loji, belanja
<u>Hindi</u>	cuti, curi, culi, lucah, sundal
<u>Arab</u>	ajal, awal, akhir, akhbar, hukum, rukun, sabar, makna, kiamat
<u>Farsi</u>	daftar, nakhoda, maulana, syahbandar, kahwin, temasya, kenduri
<u>Cina</u>	loteng, tekoh, cawan, kuntau, anglo, mi, daging, tocang, tongkang
<u>Portugis</u>	bendera, kemeja, biola, jendela, mentega, soldadu, padri
<u>Belanda</u>	duit, ransum, taksir, toples, pekan, organisasi, revolusi
<u>Inggeris</u>	enjin, stesen, tiket, motokar, mesin, telefon.

Kesimpulannya ialah setiap kata dalam bahasa Melayu yang sedia ada harus digunakan dan didahulukan daripada yang Inggeris. Maka istilah-istilah seperti berikut harus diperhatikan dan dielakkan bentuk Inggerisnya :

BI	BM
Trafik	lalulintas
Kru	kakitangan
Produk	barangan
Informasi	maklumat

Sekiranya konsep ‘dinamik’ itu dianggap sebagai membuang yang Melayu dan menggantikan dengan yang Inggeris secara sewenang-wenangnya, ia adalah pencemaran bahasa bukan dinamisme.

4.0 Dapatan Pemantauan Pragmatik Bahasa di Media Massa

Pemantauan yang dilakukan pada penghujung tahun 2002 dan awal tahun 2003 menunjukkan beberapa dapatan mengenai pragmatik bahasa Melayu di radio seperti berikut :

- i Penggunaan bahasa Inggeris secara langsung sedangkan terdapat perkataan yang sama maknanya dalam bahasa Melayu, seperti dalam contoh berikut :

BR	BM
final	peringkat akhir
finalist	peserta peringkat akhir
transaction	urusniaga
penalty	denda
ranking	pemeringkatan
mastermind	dalang
turnover	pusing ganti
business	perniagaan

- ii Serapan langsung istilah Inggeris ke dalam istilah Melayu dengan mengikut struktur frasa Inggeris sedangkan sudah ada istilah yang sama maknanya dalam bahasa Melayu seperti dalam contoh berikut :

a.	BR	:	hubungan bilateral
	BM	:	hubungan dua hala
	BI	:	bilateral ties
b.	BR	:	aliran lalulintas

- BM : pergerakan lalulintas
- BI : traffic flows
- c. BR : meter suhu
- BM : jangka suhu
- BI : thermometer
- d. BR : laporan trafik
- BM : laporan lalulintas
- BI : traffic report

iii Menghasilkan Istilah sendiri sedangkan sudah terdapat istilah yang sama maknanya dalam bahasa Melayu, seperti dalam contoh berikut :

BR	BM
alat penambah kuasa	pengecas
meter suhu	jangka suhu
didiagnos	dikenalpasti

iv Mengutamakan istilah serapan daripada istilah Melayu sedangkan dalam proses peristilahan telah dijelaskan proses peristilahan yang mengutamakan penggunaan perkataan dalam bahasa Melayu sebelum menggunakan bentuk dialek mahupun serapan, seperti dalam contoh berikut :

BR	BM
produk	barangan
informasi	maklumat
definisi	takrif
privet	swasta
stabil	mantap
trafik	lalulintas

v Ayat-ayat Melayu yang direalisasikan dalam struktur Inggeris sedangkan ayat tersebut boleh disusun dengan mudah dalam struktur Melayu, seperti dalam contoh berikut :

- a. BR : Syarikat sukar bernafas.
 BM : Syarikat dalam kesulitan.
 BI : Difficult for the company to breath.
- b. BR : Firma itu melihat potensi komersial.
 BM : Firma itu mendapati potensi komersial.
 BI : The firm saw the commercial potential.
- c. BR : Basheer akan berihat selama 4 hari akan datang.
 BM : Basheer akan berihat selama 4 hari mulai hari ini.
 BI : Basheer will be resting for the next 4 days.
- d. BR : Berdasarkan pada budaya timur.
 BM : Berdasarkan budaya timur.
 BI : Based on eastern culture.

vi Sebutan bahasa Melayu baku yang tidak konsisten dan sering berubah-ubah khususnya dalam sebutan istilah Inggeris yang diserapkan ke dalam bahasa Melayu seperti dalam contoh berikut :

SR	SB
/ejen/	/agen/
/series/	/serius/
/bedminten/	/badminton/
/vaires/	/virus/
/populer/	/popular/
/prodak/	/produk/

vii Sebutan perkataan Melayu secara baku juga tidak konsisten. Berikut merupakan beberapa contoh :

SR	SB
/lame/	/lama/
/warne/	/warna/
/balek/	/balik/
/sayor/	/sayur/
/burok/	/buruk/
/ingen/	/ingin/

Jelas sekali panduan mengenai sebutan baku dalam bahasa Melayu tidak dipraktikkan sepenuhnya dalam media elektronik. Panduan yang ditetapkan sangat jelas dan mudah difahami. Namun demikian, masih terdapat kelemahan dalam pelaksanaan di media massa. Dapatan ini membuktikan bahawa sejak bermulanya penggunaan bahasa baku di Singapura pada tahun 1992, media elektronik masih belum mampu merealisasikan bentuk bahasa baku yang unggul, setelah 10 tahun.

4.1 Radio Ria 89.7 FM

Kelongsoran yang dilakukan oleh stesen radio “Ria” untuk memainkan lagu-lagu antarabangsa selain lagu Melayu dan membenarkan juruhebah-juruhebahnya berinteraksi dalam bahasa Melayu dan Inggeris menyumbang kepada fenomena ini. Merujuk kepada laman web “Ria 89.7 FM” (http://ria.mediacorpradio.com/ria_89.7htm), objektif stesen radio ini dengan jelas menyatakan bahawa mereka memainkan lagu-lagu Melayu (60%), Inggeris (30%) dan antarabangsa (10%). Campuran lagu-lagu ini juga mempengaruhi para juruhebah mereka dalam interaksi dengan pendengar atau sesama mereka.

Pragmatik seumpama ini amat membimbangkan kerana laman tersebut ada mencatatkan bahawa golongan sasaran mereka ialah para pendengar yang berusia dari 15 hingga 35 tahun. Namun demikian, jumlah terbesar pendengar adalah mereka yang berusia dalam lingkungan 20-30 tahun. Malah terdapat pendengar semuda 8 tahun. Ini membuktikan bahawa para pendengar, secara purata adalah golongan pelajar dari semua peringkat pendidikan bermula dari sekolah rendah ke pasca-menengah. Maka pengaruh stesen radio ini amat luas dan berpengaruh terhadap para pelajar yang sedang belajar bahasa Melayu baku di sekolah-sekolah.

Pemantauan yang dilakukan terhadap stesen “Radio Ria” pada 22 April 2003 bermula jam 7.00 pagi hingga 12.30 malam (rancangannya berakhir jam 2.00 pagi) menghasilkan dapatan berikut :

LM	LI	LA
86	43	7
63%	32%	5%
100%	50%	8%

Dapatan di atas menunjukkan bahawa terdapat lagu-lagu daripada bahasa lain selain lagu Melayu yang dimainkan. Peratusan lagu-lagu Inggeris agak tinggi iaitu 32 berbanding dengan lagu-lagu antarabangsa lain. Namun demikian, jika dibandingkan dengan purata keseluruhan, peratusan lagu Inggeris ialah 50% daripada lagu Melayu yang dimainkan di stesen tersebut. Ini bermakna status radio tersebut sebagai radio Melayu semakin luput. Ia lebih bersifat radio dwibahasa. Status radio dwibahasa ini tidak dapat dielakkan kerana para juruhebahnya juga mula berinteraksi dalam bahasa Inggeris dan Melayu. Segmen “Cafe” yang berlangsung dari jam 12.00 tengahari hingga 3.00 petang

membuktikan hakikatnya kerana para juruhebah di segmen tersebut berinteraksi dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

4.2 Stesen Suria Mediacorp TV

Rancangan di Saluran Suria terdiri daripada rancangan Hiburan, Dokumentari, Berita, Kanak-kanak, Kartun, Masakan dan Isu-isu semasa. Setakat ini didapati rancangan berita, dokumentari dan isu-isu semasa seperti akhir kata dan Detik menggunakan bahasa baku. Namun demikian, didapati bahawa penggunaan bahasa baku bagi rancangan dokumentari tidak konsisten kerana terdapat pengacara yang tidak menggunakan sebutan baku dalam penyampaian mereka.

Didapati juga rancangan kanak-kanak, kartun, masakan dan hiburan tidak menggunakan sebutan baku sama sekali. Bagi rancangan kanak-kanak dan kartun, keadaan ini amat merunsingkan kerana mereka diajar bahasa Melayu Baku di sekolah dan diharapkan dapat bertutur dalam bahasa Melayu Baku yang baik dan berkesan. Fenomena ini juga akan membingungkan para pelajar yang tidak pasti sama ada sebutan Baku itu masih wajib atau sebaliknya memandangkan ia tidak lagi digunakan di televisyen.

Bagi rancangan hiburan dan masakan, khususnya terbitan dalam negeri, didapati pengacaranya tidak menggunakan sebutan baku. Ini juga amat mengelirukan masyarakat kerana rancangan ini pasti ditonton ramai. Masyarakat tidak lagi pasti tentang keperluan penggunaan sebutan baku di Singapura. Sebaliknya jika wadah ini dieksploitasi untuk menyampaikan mesej penggunaan bahasa Melayu Baku yang baik, ia pasti mendapat sambutan baik daripada para pengguna bahasa Melayu yang kini lebih yakin bahawa usaha memartabatkan bahasa Melayu Baku ini adalah pengemblengan semua sektor masyarakat.

Memandangkan stesen ini adalah stesen tempatan, maka ia seharusnya menggalakkan penggunaan bahasa Melayu baku dalam semua rancangannya terutama sekali rancangan kanak-kanak. Semua rancangan drama dan hiburan tempatan harus dikawal agar mengeluarkan rancangan dalam bentuk Baku. Begitu juga dengan rancangan dokumentari yang dirakamkan mahupun yang dialihbahasakan ke dalam bahasa Melayu.

4.3 Akhbar Berita Harian dan Berita Minggu

Kedua-dua akhbar ini merupakan akhbar Melayu sulung di Singapura yang dibaca oleh masyarakat penutur Melayu di sini. Maka peranan ia menjadi penting terutama sekali dalam memastikan mutu bahasa dan bahan yang baik. Setakat ini, didapati bahawa terdapat ketidakselarasan dalam penggunaan bahasa Melayu antara akhbar dengan media-media lain dari segi peristilahan. Misalnya, akhbar menggunakan

“termometer” manakala yang lain sudah menggunakan “jangka suhu”. Begitu juga dengan istilah “Danah Tabah” manakala yang lain menggunakan “Dana Keberanian”.

Selain itu bahasa di ruangan hiburan menimbulkan banyak kesilapan dari segi penulisan. Ini mungkin disebabkan daripada rencana yang diterima tidak disunting dengan berkesan. Secara keseluruhannya, dari segi stuktur ayat di akhbar, didapati kini amat keinggerisan.

5.0 Pendirian MBMS mengenai Sebutan Baku

MBMS telah meminta pandangan beberapa orang pakar dan penggiat bahasa mengenai bahasa Melayu Baku khususnya mengenai sebutan Melayu Baku di media massa. Berikut merupakan respons mereka yang dijadikan sandaran bagi pendirian MBMS dalam hal ini :

- i Pada tahun 1993, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan sebutan baku di sekolah-sekolah secara berperingkat-peringkat. Pelaksanaan ini melibatkan pelajar-pelajar dari peringkat sekolah rendah hingga ke pra-universiti. Inisiatif ini merupakan usaha lanjutan kementerian dalam pembakuan bahasa setelah pembakuan sistem ejaan, istilah dan tatabahasa. Sebutan baku menekankan sebutan perkataan mengikut ejaan dan bunyi huruf dalam perkataan tersebut dan hal ini dapat membantu para pelajar terutamanya dalam ejaan dan bacaan dan seterusnya berupaya berkomunikasi menggunakan sebutan baku dalam majlis-majlis formal.

Pelaksanaan ini mengambil kira perkataan pinjaman daripada bahasa lain seperti teknologi, strategi, logik, bank, psikologi dan lain-lain. Sebutan perkataan pinjaman ini konsisten dan kekal hingga ke hari ini dan tiada pengecualian diberikan bagi perkataan-perkataan.

Selain usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak MOE, sokongan dan kerjasama dari pihak media terutama radio, televisyen dan pihak akhbar (Berita Harian/Berita Minggu) diperlukan bagi pelaksanaan sebutan baku terutamanya pada tahun-tahun pertama pelaksanaannya. Sehubungan itu, beberapa sesi perbincangan/perkongsian telah diadakan oleh pihak MLU (Malay Language Unit) dengan pegawai radio/televisyen (SBC pada masa itu). Sokongan dan kerjasama yang diharapkan daripada pihak-pihak ini tidak berubah walaupun sebutan baku sudah dilaksanakan lebih daripada sepuluh tahun.

Pengecualian yang disarankan dengan alasan bahawa perkataan-perkataan itu payah untuk disebut akan bercanggah dengan objektif pelaksanaan sebutan baku di sekolah-sekolah di Singapura. Hal ini juga mungkin akan memberikan kesan yang mengelirukan kepada para guru dan pelajar di sekolah. Tambahan pula, jika kelonggaran diberikan dalam bentuk pengecualian sebutan bagi beberapa kata pinjaman, Majlis Bahasa dan pihak media sendiri akan menghadapi kesukaran

untuk mengawal ketekalan sebutan baku bagi kata-kata pinjaman yang lain atau bagi istilah-istilah baharu yang disarankan oleh Majlis Bahasa sendiri. Ada baiknya jika kerjasama rapat dan usaha saling menyokong yang jitu di antara Majlis Bahasa, pihak media dan institusi pendidikan dapat diteruskan untuk mengukuhkan prinsip dan penggalakan penggunaan sebutan baku di Singapura.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pendidikan sedar bahawa kami hanya bertanggungjawab terhadap pelaksanaan sebutan baku di sekolah rendah, sekolah menengah, maktab rendah dan institusi pusat dan bukan di kalangan orang awam dan badan-badan swasta. Majlis mungkin dapat menimbangkan kesan jangka panjang yang akan timbul dari keputusan yang akan diambil berdasarkan konteks pembelajaran dan penggunaan bahasa Melayu di Singapura.

Kementerian Pendidikan Singapura

- ii Setiap perubahan perlu berbalik kepada polisi atau ketetapan yang telah diterima. Mengikut nahu, sebutan bagi sesuatu perkataan dalam bahasa Melayu mesti mengikut ejaannya sama ada ianya perkataan asli mahupun asing. Sebutan bagi perkataan asing pula boleh terbahagi kepada dua jenis iaitu yang diserap dan yang diambil. Perkataan yang diserap mesti disebut mengikut ejaan dalam bahasa Melayu misalnya, “bicycle” menjadi “basikal”. Sebutannya mengikut ejaan dalam bahasa Melayu bukan sebutan asing.

Bagi perkataan yang diambil pula, sebutannya juga perlu mengikut ejaannya, misalnya perkataan “van” mesti disebut /van/ bukan /ven/ seperti dalam sebutan asing. Ini kerana peraturan nahu dalam bahasa Melayu ialah sebutan mengikut ejaan dan ini tidak mengecualikan bahasa asing yang diambil. Sistem nahu Melayu yang bersifat konsonan mengikut vokal perlu diikuti. Maka konsonan akan mengikut vokal iaitu konsonan /v/ akur kepada vokal /a/ untuk berbunyi /van/ dan vokal /e/ untuk berbunyi /ven/.

Nahu Inggeris adalah sebaliknya. Misalnya, terdapat kata “at” dan “all”. Sebutannya ialah /et/ dan /all/. Kita dapati sebutan dalam bahasa Inggeris vokal mengikut konsonan iaitu vokal /a/ berubah bunyinya apabila bertemu dengan konsonan /t/ dan /l/.

Sekiranya ada cadangan untuk merubah sebutan perkataan-perkataan asing itu daripada sebutan baku kepada sebutan asalnya yakni seperti dalam bahasa Inggeris, maka atas dasar sistem nahu Melayu tadi, ejaannya perlu diubah. Maka ejaan bagi perkataan “van” dalam bahasa Melayu perlu diubah kepada “ven”. Ini merupakan satu proses penyerapan bukan ambilan lagi. Perubahan seumpama ini akan melibatkan jentera pendidikan yang luas dan ia juga secara tidak langsung menjejaskan prinsip asal pembakuan bahasa Melayu di Nusantara yang telah dipersetujui dari segi ejaan.

Kita tidak boleh sewenang-wenangnya menukar sesuatu ketetapan untuk kemudahan kita sendiri tanpa mengambil kira kesan terhadap masyarakat dan sistem bahasa itu sendiri. Kita sedia maklum bahawa bahasa baku dan sebutannya itu direalisasikan mengikut tatacara yang sama di sekolah dan media massa iaitu radio, televisyen, suratkhbar dan majalah. Maka sekiranya satu daripada komponen tersebut tidak merealisasikan tanggungjawabnya, akan timbul ketidakseimbangan dalam perkembangan bahasa yang akan akhirnya membingungkan masyarakat pengguna bahasa Melayu. Kita perlu menilai sama ada ianya berbaloi sedangkan sebutan baku telah berjalan selama 10 tahun dan perkataan-perkataan asing telah pun digunakan beratus-ratus tahun lamanya tanpa sebarang masalah. Kita perlu menilai kepentingan membuat sesuatu atas dasar kepentingan umum bukan kelompok tertentu sahaja.

Pendita Muhd Ariff Ahmad (Penasihat MBMS)

- iii Saya rasa ini melibatkan persoalan dasar atau prinsip. Pada umumnya saya rasa di mana ada istilah Melayu, elok kita gunakan perkataan Melayu. Jika tidak bagaimana bahasa hendak dikekalkan, apatah lagi hendak diperkembangkan. Dalil sukar disebut tidak sah, kerana apa yang lazim itu biasanya mudah disebut dan yang jarang digunakan itu pasti sukar disebut. Justru itu 'sukar' atau 'mudah' bukan pertimbangan yang tepat.

Dalam senarai istilah, saya rasa boleh dipersetujui, tetapi ada beberapa yang elok digunakan perkataan Melayu. Misalnya tak jauh beza penyebutan 'wakil' dan 'ajen'. Yang lain-lain itu saya neutral. Misalnya "flet" itu konsep baru dalam kehidupan kita, sementara yang lain-lain pula memang sudah meluas penggunaannya/penerimaannya.

Dr Shaharuddin Maarof (NUS)

- iv Konsep sebut sebagai mana dieja dan eja sebagai mana disebut sewajarnya hanya dapat diterapkan kepada kata-kata Melayu tulen sahaja. Bagi sebutan kata-kata pinjaman yang berleluasa dalam bahasa Melayu harus berdasarkan teori penerapan bunyi asing mengikut pengaruh dan persejarahan bahasa dan perkembangan tamadun masing-masing.

Dr Paitoon M Chaiyanara (NIE)

- v Sebutan baku perlu mengadakan semacam zaman peralihan untuk menyebatkan sebutan dengan masyarakat. Maka perlu ada dua sebutan yang baku dan yang tidak baku pada peringkat awalnya. Kemudian dibakukan keseluruhannya. Bagi masalah kekeliruan yang akan dihadapi masyarakat dan pelajar, para guru perlu

membimbing murid mengenai perbezaan tersebut manakala MBMS akan sebarkan maklumat tersebut kepada masyarakat umum.

Dr Liaw Yock Fang (Penasihat MBMS)

- vi Sebutan baku mesti diteruskan seratus peratus kerana ia merupakan polisi pemerintah. Setiap polisi itu perlu dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh tanpa tolak ansur. Saranan mengembalikan sebutan sebelum baku walaupun untuk beberapa perkataan asing akan menjejaskan polisi dan berlaku tolak ansur yang akan menjejaskan pegangan serta menimbulkan kekeliruan masyarakat dan kaum pelajar khususnya. Lama-kelamaan semangat baku itu akan luput atas tanggapan bahawa ia boleh disesuaikan dengan zaman.

Dr Masuri Salikun (Penasihat MBMS)

- v Perbuatan menukar sebutan baku kembali ke sebutan sebelum baku akan mengecewakan seluruh masyarakat Melayu Singapura terutama murid dan guru bahasa Melayu. Seolah-olah kita tiada pegangan terhadap sebutan baku iaitu sebut sebagaimana dieja. Orang-orang yang tugasnya bersangkutan dengan penggunaan bahasa harus bersikap profesional iaitu memikul tanggungjawabnya dengan rela hati demi kepentingan masyarakat. Seorang profesional juga seharusnya menyelesaikan masalah dan berpandangan proaktif bukan menimbulkan masalah baru.

Encik Mohd Raman Daud (Berita Harian)

- vi Sekiranya tiada sebarang masalah yang timbul sepanjang 10 tahun sebutan baku ini dijalankan di Singapura, tidak perlu ada sebarang perubahan. Masalah tersebut haruslah yang serius sehinggakan menyekat perealisasikan sebutan baku secara berkesan.

Encik A Ghani Hamid (Penasihat MBMS)

6.0 Kesimpulan

MBMS berpegang kepada dasar pemerintah mengenai pragmatik bahasa Melayu di Singapura. MBMS juga mementingkan konsistensi dalam polisi seperti yang dipraktikkan oleh pemerintah Singapura. Sesuatu dasar itu perlu direalisasikan dengan bersungguh-sungguh tanpa tolak ansur kecuali timbul keadaan yang tidak dapat dielakkan. Berikut merupakan butiran yang perlu direalisasikan pihak media massa bersangkutan dengan pragmatik bahasa Melayu Singapura :

- i Bahasa Baku digunakan dalam media massa sepenuhnya.
- ii Semua rancangan termasuk iklan, sandiwara, kartun, hiburan, dokumentari dan seumpamanya mesti dijalankan dalam bahasa Baku.
- iii Sesi wawancara bersama golongan-golongan berikut mesti dijalankan dalam bahasa Baku :
 - a. Semua kategori pendidik termasuk pensyarah, guru dan asatizah .
 - b. Pemimpin masyarakat termasuk AP dan Menteri Melayu.
 - c. Pakar Melayu dalam semua bidang.
 - d. Para pelajar dari peringkat sekolah rendah hingga pasca menengah.
 - e. individu-individu yang berpengaruh termasuk para artis.
- iv Sekiranya terdapat orang-orang dalam golongan tersebut yang enggan bertutur dalam bahasa Baku, pandangan mereka itu tidak perlu dirakamkan dan diudarkan. Sebaliknya, pandangan tersebut dibacakan sahaja oleh juruhebah dalam bentuk laporan atau seperti dalam gaya alih bahasa bagi rancangan di televisyen.

Dari segi pentadbiran peristilahan, pihak media massa perlu akur kepada perancangan berikut :

- i MBMS harus dirujuk bagi semua masalah peristilahan dan bahasa Melayu secara umumnya.
- ii Media massa tidak seharusnya menghasilkan istilah yang berlainan. Pihak media massa boleh mencadangkan istilah yang dianggap paling sesuai kepada MBMS untuk dipertimbangkan.
- iii Hanya istilah yang dikeluarkan oleh MBMS dianggap sah untuk penggunaan di Singapura untuk memastikan penyelarasan dalam semua media.

Dari segi pentadbiran bahasa Melayu di mediamassa, MBMS mencadangkan perkara-perkara berikut :

- i Tanamkan semangat kekaryawanan dalam diri setiap kakitangan media dalam hal bahasa. Mereka harus sedar bahawa mereka memilih untuk masuk ke dalam dunia media Melayu. Maka mereka seharusnya melakukan segala yang termampu untuk ikut rentak Melayu bukan Melayu ikut rentak mereka.

- ii Anjurkan kelas-kelas penggilap bahasa bagi kakitangan media secara berterusan oleh pakar-pakar bahasa melalui MBMS.
- iii Kakitangan media memantau penggunaan bahasa di media dan bekerjasama dengan MBMS dalam hal-hal kebahasaan.
- vi Kakitangan ikuti kursus-kursus bahasa di luar yang bersifat pemeringkatan.

Biografi

Mohamed Pitchay Gani BMAA 2002. *Melayu Singapura dalam Kritikan – Isu Bahasa dan Bangsa*. Singapura. Angkatan Sasterawan 50.

Noriah Mohamed 1998. *Sosiolinguistik Bahasa Melayu Lama*. Pulau Pinang. Universiti Sains Malaysia.

Omar Amin Husin 1962. *Sejarah Bangsa dan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur Pustaka Antara

1992. *Ke arah Pembentukan Istilah Yang Sempurna*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka

Laporan Perwakilan Mabbim/Mastera 2003 Sempena Sambutan 30 Tahun Mabbim 09 Mac 2003 – 14 Mac 2003 di Brunei Darussalam. Singapura. Majlis Bahasa Melayu Singapura.

Guntor Sadali. *Peranan Alat Sebaran Am Dalam Perkembangan Bahasa Baku* dlm buku *Pesan – Kumpulan Makalah Sempena Bulan Bahasa 1993* terbitan Jawatankuasa Bulan Bahasa 1994, ms 108

Muhammad Ariff Ahmad. *Bahasa Melayu : Penggunaan, Tatabahasa dan Sebutan* dlm jurnal SEKATA Jilid 8 Bil. 1 Jun 1990 terbitan Jawatankuasa Bahasa Melayu, Singapura

Muhammad Ariff Ahmad 1991. *Bahasa Melayu Pada Hari Ini : Satu Pandangan Peribadi*. Kertas kerja Seminar National University of Singapore.

Soetrisno. R. *Bahasa Indonesia dan Kemajuan Teknologi* dlm jurnal SEKATA Jilid 7 Bil. 2 Dis. 1989 terbitan Jawatankuasa Bahasa Melayu, Singapura

http://ria.mediakorpradio.com/ria_89.7htm